




33

Produk
makanan guna
logo halal tidak
sah di Ipoh



Guna logo halal tak sah

Premis jual makanan ringan pelbagai jenama diserbu KPDNHEP

NORMAWATI ADNAN

IPOH

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Perak menyita 401 bungkus makanan ringan pelbagai jenama yang menggunakan logo halal tidak sah dalam satu serbuan di sebuah premis di Kawasan Perindustrian Pengkalan, Lahat kelmarin.

Serbuan bermula jam 12 tengah hari bersama Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk) itu turut merampas 360 kotak dan 91 plastik



Ravichandran (dua dari kanan) dan Burhanuddin (tengah) menunjukkan antara produk makanan ringan yang disita.

pembungkus mempunyai logo halal dengan anggaran keseluruhan bernilai RM29,869.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal JAIPk, Burhanuddin Md Dali berkata, semakan mendapati premis itu tidak mempunyai pensijilan halal

daripada JAIPk dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

"Siasatan juga mendapati terdapat dua syarikat menggunakan alamat premis sama yang mana kedua-duanya menggunakan logo halal pada setiap makanan ringan keluaran mereka."

"Satu daripada syarikat itu mempunyai pensijilan halal namun tidak pernah membuat pembaharuan sejak ia tamat tempoh pada 31 Disember 2016 lalu sementara satu lagi syarikat tidak pernah mempunyai pensijilan halal," katanya ketika ditemui pada sidang akhbar semalam.

Dalam serbuan sama, KPDNHEP turut menyita 29 guni gula pasir seberat 1,450 kilogram (kg), 49 guni tepung gandum (1,225 kg), 62 tin minyak masak (1,054 kg) dan 31 tong gas petroleum cecair (LPG) seberat 434 kg.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP negeri, V Ravichandran berkata, rampasan keseluruhan bernilai RM11,777.20 itu dibuat atas kesalahan menjual barang kawalan tanpa kebenaran sah daripada pengawal bekalan.

Sejak Januari hingga kini, KPDNHEP Perak telah merekodkan 15 kes melibatkan isu halal dengan nilai rampasan hampir RM34,000.